

19/02/1997

PM cadang tambah hadiah pemenang Le Tour de Langkawi

KOTA KINABALU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya hadiah pemenang Le Tour de Langkawi tahun depan ditambah kepada RM1.3 juta termasuk RM100,000 untuk pelumba Asia yang berjaya.

Tahun lalu, hadiah keseluruhan kepada pemenang perlumbaan itu ialah RM1 juta dan jumlah itu ditambah kepada RM1.2 juta tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, RM100,000 perlu disediakan untuk pelumba Asia dan jika menang, mereka turut menerima tambahan.

"Ini sebagai tambahan kepada pelumba dari Asia yang agak kecil berbanding pelumba Eropah dan Afrika dan sukar untuk menandingi keupayaan mereka (Eropah dan Afrika). Kita dapati pelumba dari rantau ini selalu ketinggalan di belakang.

"Saya berharap ia akan menggalak mereka," katanya berucap pada majlis penyampaian cek tajaan Le Tour de Langkawi di Pusat Perdagangan Sabah, di sini hari ini.

Dr Mahathir menerima RM9 juta sumbangan kewangan, peralatan dan barangan daripada 30 syarikat, antaranya Syarikat Gemuda Sdn Bhd, Berjaya Group, Cerah Bakti Sdn Bhd dan Business Focus.

(END)